

LAKUAN BAHASA KRITIKAN DALAM FORUM WACANA SINAR HARIAN

ABD GANING LAENGKANG
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
abdulganing@kuis.edu.my

AB RAZAK AB KARIM
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
abrazak@um.edu.my

RIDUAN MAKHTAR
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
riduan@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis lakuan bahasa kritikan dalam forum Siri Wacana Sinar Harian yang dianjurkan oleh Karangkraf Sdn Bhd. Sebanyak tiga rakaman forum dipilih sebagai bahan kajian. Kerangka teoretis yang digunakan bermula dengan konsep ilokusi yang diperkenalkan oleh Austin 1962. Kajian ini mengembangkan lagi konsep ilokusi tersebut dengan menambah satu kategori lakuan bahasa yang baharu, iaitu lakuan bahasa kritikan. Kategori lakuan ini dipecahkan kepada lima kategori lakuan, iaitu lakuan kritikan langsung, lakuan kritikan umum, lakuan berasaskan langsung, lakuan penafian, dan lakuan persoalan retorik. Kajian mendapati bahawa jumlah kekerapan penggunaan lakuan bahasa adalah sebanyak 656 kali. Lakuan kritikan langsung mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu sebanyak 223 kali, dan tempat kedua ialah lakuan kritikan umum dengan jumlah kekerapan sebanyak 222 kali. Lakuan persoalan retorik berada di tempat ketiga dengan jumlah kekerapan sebanyak 126. Lakuan penafian pula mencatatkan kekerapan sebanyak 50 kali, kemudian diikuti oleh lakuan berasaskan langsung dengan kekerapan 35 kali. Secara keseluruhan, kajian ini menyimpulkan ahli forum dalam Wacana Sinar Harian melakukan dua lakuan kritikan yang dominan, iaitu lakuan kritikan langsung dan kritikan umum. Dari sudut kesantunan, kajian ini menyimpulkan bahawa kritikan langsung dan kritikan umum masih dalam kerangka Islam kerana tidak ada kata-kata kesat dan kata-kata penghinaan terhadap seseorang.

Kata kunci: lakuan bahasa; kritikan; kesantunan; forum; Sinar Harian.

SPEECH ACT OF CRITICISM TOWARD A SERIES OF SINAR HARIAN'S FORUM

ABSTRACT

This study analyses speech act of criticism toward a series of Sinar Harian's Forum (Siri Forum Wacana Sinar Harian) organised by Karangkraf Sdn Bhd. Three recording forum were selected as the material of the study. Theoretical framework used started with the concept of illocution introduced by J.L Austin 1962. This study is expanding the concept of the illocution by adding a new category of speech act, namely speech act of criticism. This category is divided into five subcategory of speech act. The five subcategory are direct criticism, general criticism, direct counter argument, denial, and rhetorical question. The study found that the number of the use

of speech act are 656 times. Direct criticism speech act recorded the highest number, namely 223 times, and the second place is the general criticism with the total number of 222 times. Rhetorical questions speech act is in the third place with a total frequency of 126. Denial speech act only recoded frequency by 50 times, then followed by counter argument speech act with total frequency of 35 times. Overall, the study concluded forum members in Forum Wacana Sinar Harian perform two dominant kinds of criticism of speech act, namely direct criticism and general criticism. In term of politeness, this research concluded that direct criticism and general criticism is still in framework Islamic point of view as there were no abusive and insulting words to anyone.

Keyword: speech act; criticism; politeness; forum; Sinar Harian.

PENGENALAN

Kajian lakuan bahasa telah lama dibahaskan oleh ahli bahasa terdahulu. Kajian lakuan bahasa pertama kali dibahaskan oleh J. L Austin pada tahun 1962 melalui buku beliau yang bertajuk *How To Do Things With Words*. Austin merupakan orang pertama yang melihat bahasa dari sudut lakuan. Beliau berpendapat bahawa sesuatu ayat dituturkan tidak hanya menyatakan sesuatu, sebaliknya ia mengandungi lakuan-lakuan tertentu, seperti berjanji, menasihati, mengarahkan, mengancam dan sebagainya. Saidatul Nornis (2006) pula berpendapat bahawa sekiranya peristiwa bahasa dilihat dari sudut gejala sosial, maka lakuan bahasa dilihat sebagai gejala individu yang bersifat psikologi dan keberlangsungan ditentukan oleh kemampuan bahasa si penutur dalam menghadapi situasi tertentu. Secara umumnya, beliau menyimpulkan bahawa seseorang sedang melakukan tiga perkara dalam sesuatu pertuturan, iaitu lakuan lokusi, ilokusi, dan perlokus. Lokusi ialah lakuan menyatakan sesuatu atau *saying something*. Lakuan ilokusi pula ialah lakuan niat pengucapan, yang dipecahkan kepada berapa jenis, seperti berjanji, menuduh, mengancam, menasihati dan sebagainya. Lakuan perlokus pula ialah lakuan kesan daripada ilokusi. Contohnya, ayat saya mesti datang esok. Penutur bagi ayat tersebut melakukan lakuan lokusi, iaitu tindakan menyatakan ayat tersebut. Lakuan ilokusi pula menunjukkan bahawa penutur tersebut sedang berjanji dan, manakala lakuan ilokusi pula merujuk kepada kesan janji tersebut, iaitu memberi harapan.

Berdasarkan lakuan ilokusi tersebut, Austin memecahkan lakuan ilokusi kepada lima kategori, iaitu keputusan (verdictives), penguasaan (exercitives), perjanjian (commisives), tabiat kebiasaan (behabitives) dan tanggapan (expositives). Pada tahun 1969, Searle muncul dengan membuat perincian semula dan memperkenalkan lima kategori lakuan, iaitu pernyataan (representatives/assertives), arahan (directives), perjanjian (commisives), ekspresif (expressives) dan pengisytiharan (declarations). Selepas Searle, Bach dan Harnish (1979) turut menghuraikan konsep lakuan bahasa dengan memperkenalkan empat lakuan bahasa, iaitu pengumuman (constatives), arahan (directives), perjanjian (commisives) dan pengakuan (acknowledgements). Setiap pecahan ini pula mengandungi pelbagai lakuan masing-masing.

Berdasarkan ketiga-tiga perbahasan di atas, kajian ini mendapati bahawa mereka tidak memperkenalkan lakuan bahasa kritikan sebagai satu komponen utama dalam analisis lakuan bahasa. Hal ini kerana, pengkaji berpendapat bahawa lakuan bahasa kritikan merupakan lakuan penilaian baik dan buruk terhadap sesuatu perkara atau terhadap seseorang, institusi pertubuhan dan sebagainya. Lakuan bahasa kritikan ini merupakan lakuan yang dominan dalam kehidupan harian. Dalam konteks Malaysia, terdapat ramai ahli bahasa telah melakukan kajian lakuan bahasa. Antara ahli bahasa tersebut ialah Ahmad Mahmud Musanif (1998), Zaiton Ismail (2003), Wong Shin Shin (2007), Marlyna Maros (2008), Wan Robiah Meor Osman et. al (2010), Marlyna Maros (2011), Saidatul Nornis Hj Mahali (2006 & 2012), Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015), Haslinda Saad (2012), Maslida Yusof dan Karim Harun

(2015), Haslinda Saad dan Ahmad Mahmood Musanif (2014), dan kajian terkini ialah Sharifah Farah Adila Syed Faizal Badrul (2016).

Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa hanya seorang pengkaji sahaja yang melakukan kajian lakuhan bahasa kritikan, iaitu Marlyna Maros (2002, 2008 & 2011). Pada 2008, Marlyna Maros menggunakan istilah lakuhan bahasa kompleks, manakala tahun 2011 pula beliau menggunakan istilah lakuhan bahasa teguran. Marlyna Maros (2008) mengkaji cara-cara orang Melayu menyatakan rasa tidak puas hati terhadap seseorang. Selepas itu, beliau (2011) meneliti lakuhan bahasa teguran terhadap 12 pasangan sahabat yang saling hormat-menghormati. Namun demikian, beliau tidak memperincikan lakuhan bahasa kritikan sebagai satu komponen utama dalam analisis lakuhan bahasa seperti yang dikemukakan oleh Austin, Searle, dan Barch & Harnish. Data dan situasi kajian juga berlainan antara satu sama lain. Oleh itu, kajian ini memperkenalkan satu kategori utama dalam analisis lakuhan bahasa dalam konsep ilokusi yang diperkenalkan oleh J. L Austin, iaitu lakuhan bahasa kritikan. Dalam konteks kajian ini, kategori lakuhan bahasa kritikan ini terdiri daripada lima subkategori lakuhan bahasa, iaitu lakuhan kritikan langsung, lakuhan kritikan umum, lakuhan berasaskan langsung, lakuhan penafian, dan lakuhan persoalan retorik. Kelima-lima lakuhan ini akan diperincikan pada bahagian kerangka konsep dengan disertakan dengan contoh daripada data kajian.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan adalah untuk:

1. Mengenal pasti bentuk-bentuk lakuhan bahasa kritikan dalam Forum Wacana Sinar Harian.
2. Menganalisis bentuk-bentuk lakuhan bahasa kritikan menggunakan kerangka konsep lakuhan bahasa J. L Austin (1962).

KAEDAH DAN BAHAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan menggunakan pendekatan kualitatif dan analisis pertuturan. Setiap pertuturan dianalisis dari sudut lakuhan bahasa kritikan. Sebanyak tiga rakaman forum Wacana Sinar Harian dipilih sebagai bahan kajian. Data kajian ini ditranskripsikan terlebih dahulu sebelum analisis dilakukan. Analisis yang dilakukan menggunakan kerangka konsep yang diperkenalkan oleh Austin (1962). Kerangka konsep ilokusi ini dikembangkan dengan menambah satu kategori lakuhan bahasa, iaitu lakuhan bahasa kritikan. Lakuhan bahasa kritikan ini terdiri daripada lima jenis lakuhan bahasa, iaitu lakuhan bahasa kritikan langsung, kritikan umum, berasaskan langsung, lakuhan penafian dan persoalan retorik. Hasil kajian ini akan diperlihatkan dalam bentuk jadual untuk memperlihatkan kekerapan setiap jenis lakuhan tersebut. Kemudian kekerapan setiap lakuhan tersebut akan dihuraikan dan ditafsirkan. Berikut ialah tiga rakaman kajian ini:

Rakaman 1: Peranan Ulama Menasihati Pemimpin

Rakaman 1 ini bertajuk Peranan Ulama Menasihati Pemimpin dan forum ini merupakan siri wacana ke 15. Forum ini dipengerusikan oleh Maszlee Malik, pensyarah di Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ahli panel pula terdiri daripada tiga orang, iaitu (i) Siddiq Fadzil, bekas Presiden ABIM dan Presiden WADAH, (ii) Mohd Asri Zainal Abidin, bekas Mufti Perlis, dan (iii) saudara Shahrin Md Jamaluddin, Exco Gerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Pengurus Biro IPT Malaysia. Forum ini berlangsung selama 1 jam 28 minit dan seramai enam orang penyohal. Wacana ini diadakan di Auditorium

Kompleks Kumpulan Media Karangkraf, Lot 2 Jalan Sepana, 15/3 Off Persiaran Selangor, Seksyen 15 Shah Alam.

Rakaman 2: Apa di Sebalik 1MDB

Rakaman 2 bertajuk *Apa di Sebalik 1MDB* berlangsung pada 18 Mac 2015 di Kompleks Kumpulan Media Karangkraf, Seksyen 15, Shah Alam. Moderator bagi forum ini ialah Maszlee Malik, pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Tiga ahli panel, iaitu (i) = Rafizi Ramli, Ahli Parlimen dan Naib Presiden PKR, (ii) Khairul Anwar Rahmat, Pengurus SukaGuam Malaysia, dan (iii) Azmi Hassan, Pensyarah Universiti Teknologi Malaysia. Forum ini berlangsung selama 1 Jam 33 minit 42 Saat, dan seramai 8 orang penyoal.

Rakaman 3: Politik: Perjuangan atau Populariti

Rakaman 3 bertajuk *Politik: Perjuangan atau Populariti* dan rakaman ini merupakan siri Wacana Sinar Harian ke-45 dan ia diadakan pada 27 Februari 2017. Ia dipengerusikan oleh Dahlan Maamor dan terdiri daripada 4 ahli panel, iaitu (i) Jamal Md Yunos, Ketua Umno Bahagian Sungai Besar, (ii) Mohd Razdlan Jalaluddin, Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan, Malaysia, (iii) Shahril Hamdan, Exco Pemuda Umno Malaysia, (iv) Md Shukri Shuib, Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. Forum ini diadakan di Auditorium Kompleks Kumpulan Media Karangkraf Sdn. Bhd, dan durasi rakaman ini ialah 1 Jam 51 minit. Seramai 3 orang penonton yang mengemukakan soalan dalam forum ini.

KERANGKA KONSEP: LAKUAN BAHASA KRITIKAN

J. L Austin (1962) merupakan sarjana pertama yang membahaskan persoalan bahasa dari sudut lakuhan, dengan menggunakan istilah speech act. Menurut beliau, sesuatu ayat yang diujarkan tidak hanya menyatakan sesuatu, sebaliknya sesuatu ayat mengandungi pelbagai tindakan. Ayat “saya akan membayar hutang saya esok” merupakan satu bentuk lakuhan janji. Menurut Austin lagi, terdapat tiga lakuhan yang dilakukan secara serentak semasa mengujarkan sesuatu, iaitu lakuhan lokusi, lakuhan ilokusi dan lakuhan perllokusi. Lakuhan lokusi ialah lakuhan yang menunjukkan sesuatu ujaran sedang dilakukan atau “saying something”, manakala ilokusi pula ialah lakuhan bahasa yang menunjukkan pelbagai lakuhan berdasarkan fungsi ujaran tersebut, seperti berjanji, memujuk, dan sebagainya. Lakuhan perllokusi pula merujuk kepada kesan lakuhan ilokusi, seperti kesan sesuatu ujaran sebagai mengancam, memberi amaran, dan sebagainya.

Lakuhan ilokusi merupakan tumpuan kajian lakuhan bahasa. Austin memperkenalkan lima kategori lakuhan, kemudian dikemas kini oleh Searle yang juga memperkenalkan lima kategori lakuhan. Bach dan Harnish turut memperincikan lakuhan bahasa kepada 4 kategori lakuhan. Berdasarkan kajian ini, pengkaji tidak menemui kategori lakuhan bahasa kritikan daripada tokoh bahasa tersebut. Dalam komunikasi, sering berlaku penilaian dan kritikan terhadap sesuatu perkara. Oleh itu, kajian ini akan menambahkan satu kategori lakuhan bahasa, iaitu kategori lakuhan kritikan sebagai satu komponen utama atau sebagai satu kategori lakuhan utama. Dalam konteks perincian lakuhan bahasa Bach dan Harnish, penambahan lakuhan bahasa kritikan menjadikan kerangka konsep lakuhan bahasa kepada lima kategori utama, iaitu seperti berikut:

1. Pengumuman (Constitutive).
2. Arahan (Directive).

3. Perjanjian (Commisives)
4. Pengakuan (Acknowledgements).
5. Kritikan (Criticism)

Penambahan kategori ini dilakukan kerana forum merupakan platform perbahasan dan sudah pasti banyak melibatkan penilaian terhadap sesuatu. Dengan perkataan lain, kritikan adalah dominan dalam forum perbahasan. Lakuan bahasa kritikan didefinisikan sebagai lakuan menilai kebaikan dan kelemahan sesuatu.

Namun demikian, kajian ini lebih tertumpu penilaian sesuatu yang negatif terhadap seseorang atau institusi. Dengan perkataan lain, kritikan merujuk kepada penilaian sesuatu yang dirasakan tidak betul telah berlaku atau tindakan yang tidak betul oleh seseorang atau institusi. Kritikan perlu dilakukan sebaik mungkin, iaitu dengan menggunakan bahasa sesuai agar tidak menghina dan menimbulkan kemarahan. Dalam konteks Wacana Sinar Harian, amalan mengkritik menjadi amalan utama dalam kalangan ahli panel. Dalam kategori kritikan, pengkaji telah mengenal pasti lima subkategori lakuan bahasa kritikan, iaitu seperti berikut:

1. Lakuan Kritikan Langsung
2. Lakuan Kritikan Umum
3. Lakuan Bidasan Langsung
4. Lakuan Penafian
5. Lakuan Persoalan Retorik

Dalam kajian ini, pengkaji turut menghuraikan lakuan bahasa kritikan dari sudut nilai kesantunan secara umum. Pengkaji berpandangan bahawa kritikan langsung dan tidak langsung tidak menentukan darjah kesantunan seseorang ahli panel, sebaliknya darjah kesantunan ditentukan oleh bagaimana ahli panel memilih perkataan dan nada ketika mengkritik. Kritikan atau bidasan langsung tidak semestinya tidak santun selagi ia menggunakan bahasa yang sesuai dengan keadaan. Penilaian umum ini adalah untuk melihat sejauh mana ahli panel melakukan kritikan dalam forum tersebut.

Lakuan Kritikan Langsung

Lakuan kritikan langsung bermaksud penilaian baik dan buruk; dan hasil penilaian itu terus disampaikan kepada perkara atau orang yang dinilai. Nilai kesantunan dalam kritikan langsung bergantung pada pemilihan perkataan, nada, ketepatan konteks, dan kejujuran penilai. Kritikan langsung yang disertai dengan kejujuran dilihat sebagai satu bentuk lakuan bahasa yang santun, khususnya apabila kritikan ini berkaitan dengan kepentingan awam. Oleh itu, kritikan langsung terhadap pengurusan kerajaan, pentadbiran negara, sistem pendidikan, pengurusan ekonomi dan sebagainya adalah sangat penting. Hal ini selari dengan konsep forum, iaitu perbincangan terbuka. Ahli panel hendaklah sentiasa berlapang dada apabila dikritik secara terbuka. Berikut ialah lima contoh lakuan bahasa kritikan langsung:

1. Sebab itu minggu ini Menteri kantoi lagi. Dah dua kali Menteri kantoi di Parlimen. Pertama kali dalam sidang parlimen yang (R2:B4).
2. Masalahnya sekarang ialah 1MDB mengambil wang daripada kerajaan yang sepatutnya sampai kepada adik kakak semua tiba-tiba masuk poket dua tiga orang di luar negara.(R2:218)
3. Saya nampak perkara ini keangkuhan ini sebenarnya bukan datang daripada kerajaan pusat tetapi datang dari pihak PKR, DAP yang mana seolah-olah sekiranya orang muda itu suka kepada pemimpin UMNO... (R3:C203).

4. Jamal seperti yang saya katakan tadi ialah lebih kepada mencari publisiti, lebih kepada populariti dan perjuangan itu orang tidak nampak. Masyarakat tidak Nampak. (R3:C169)

Berdasarkan empat contoh di atas, ujaran dalam contoh 1 menunjukkan lakuhan kritikan langsung yang ditandai oleh Menteri kantoi. Konteks menunjukkan bahawa yang dimaksudkan ialah Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri Malaysia, iaitu Sri Mohammad Najib Tun Abdul Razak. Dalam konteks ini, kantoi menunjukkan penilaian negatif atau gambaran negatif terhadap Menteri tersebut. Ujaran dalam contoh 2 pula menunjukkan penilaian negatif terhadap 1MDB. Penilaian negatif tersebut ditandai oleh ujaran “1MDB mengambil wang daripada kerajaan yang sepatutnya sampai kepada adik kakak semua...”.

Ujaran dalam contoh 2 dikatakan kritikan langsung kerana ujaran tersebut ditujukan secara jelas kepada tindakan 1MDB mengambil duit yang sepatutnya diperuntukkan kepada rakyat yang lebih memerlukan. Ujaran dalam contoh 3 juga memperlihatkan kritikan langsung kerana memberikan nilai yang negatif kepada imej PKR dan DAP. Nilai negatif yang dimaksudkan ialah keangkuhan PKR dan DAP. Ujaran dalam contoh 4 pula merupakan ujaran kritikan langsung yang ditujukan secara khusus kepada Jamal Md Yunos, Penggerusi Gabungan NGO Malaysia. Nilai negatif yang wujud dalam ujaran tersebut ialah Penggerusi tersebut lebih mengejar populariti berbanding memperjuangkan hak-hak rakyat. Ujaran yang menandakan lakuhan kritikan ialah “Jamal...lebih kepada mencari publisiti. Kajian ini merumuskan bahawa lakuhan kritikan ialah ujaran yang memberikan nilai negatif yang ditujukan secara khusus kepada individu atau institusi tertentu.

Lakuhan Bidasan Langsung

Lakuhan bidasan membawa maksud mematahkan hujah, mengecam, membantah, melemahkan, mengutuk, dan sebagainya. Dengan perkataan lain, bidasan langsung bermaksud kritikan balas. Lazimnya, bidasan ini berusaha untuk melemahkan hujahan pihak lawan secara terang-terangan. Ia juga boleh diertikan sebagai penilaian negatif secara terang-terangan untuk menunjukkan kepincangan atau gambaran buruk tentang sesuatu pendirian atau pendapat. Walaupun memberikan gambaran negatif atau kecaman secara terangan-terangan, ia masih boleh dianggap sopan sekiranya bidasan tersebut berkenaan dengan kepentingan awam. Dengan perkataan lain, kritikan dan kecaman langsung terhadap isu-isu kepentingan awam masih dianggap sopan selagi menggunakan bahasa yang tepat, tegas, betul, dan tanpa menggunakan kata-kata kesat. Hal ini kerana konsep kesantunan yang diketengahkan dalam kajian ini ialah kesantunan bahasa sebagai satu bentuk ibadah, iaitu menyeru kebaikan dan mencegah kemungkarann. Berikut ialah lima contoh lakuhan bidasan langsung.

1. Yang ini bukan saya sebutlah. Yang ini adalah pengakuan yang dibuat oleh Jho Low di dalam akhbar-akhbar antarabangsa selepas namanya. (R2:B62)
2. mungkin tokoh yang merasakan ingin berjuang sama kerana terbukti dalam UMNO kita bukan takat tegur Ketua Cawangan, kita bukan takat tegur Ketua Pemuda Cawangan, ramai tahu Presiden parti suruh kita turun. Bila kesan (R1:A30).
3. kalau betullah kita nak hantar haji dan lain-lain lebih baik kerajaan umum sahaja tiap-tiap tahun peruntukan 50 juta ringgit untuk.. (R2:136)
4. Ya, yang pertama apa sahaja angka yang disebut saudara Rafizi tadi belum disahkan oleh forensic account. Jadi setakat hari ini kita hanya boleh, beliau hanya boleh berimajinasi dengan fakta-fakta itu.. (R2:B220).

Ujaran dalam contoh 1 merupakan lakuhan bidasan terhadap pendapat yang mengatakan bahawa Jho Low tidak terlibat dalam urusan 1MDB. Bidasan dalam contoh 1 ditandai oleh ujaran adalah pengakuan yang dibuat oleh Jho Low di dalam akhbar-akhbar antarabangsa". Pengakuan Jho Low menolak kebenaran pendapat yang dibidas. Ujaran dalam contoh 2 pula menunjukkan lakuhan bidasan terhadap kritikan yang ditujukan. Penutur dalam contoh 2 dikritik kerana tidak berani menegur pemimpin. Namun demikian, beliau membidas dengan mengatakan bahawa beliau bukan hanya mengkritik Ketua Cawangan, malah beliau mengkritik dan mendesak Mohammad Najib ditukar.

Ujaran dalam contoh 3 pula berkenaan dengan bidasan terhadap pendapat yang mengatakan bahawa 1MDB menjalankan tanggungjawab sosial dengan menghantar imam-imam masjid menunaikan ibadah haji. Bidasannya ialah dana untuk imam-imam haji sebaiknya dilakukan oleh kerajaan, bukan melalui dana 1MDB yang meragukan. Bidasan tersebut ditandai "lebih baik kerajaan umum sahaja tiap-tiap tahun peruntukan 50 juta ringgit...". Walaupun bersifat cadangan, tetapi lebih cenderung untuk membandingkan tindakan 1MDB. Ujaran dalam contoh 4 membidas pendapat YB Rafizi yang mengatakan bahawa dana 1MDB tidak dapat dikesan. Oleh itu, ujaran dalam contoh 4 di atas membidas pendapat YB Rafizi dengan mengatakan bahawa ia belum disahkan benar oleh forensic account. Ujaran yang menandakan bidasan ialah yang disebut saudara Rafizi tadi belum disahkan oleh forensic account. Kajian ini merumuskan bahawa lakuhan bidasan ialah ujaran yang mematahkan hujahan atau kritikan.

Lakuan Kritikan Umum

Lakuan kritikan umum bermaksud kritikan yang dilakukan secara umum. Ia tidak merujuk pada mana-mana individu atau institusi tertentu. Dengan perkataan lain, tidak ada kata nama khas yang diungkapkan. Penutur melontarkan kritikan tanpa ditujukan khas kepada seseorang, institusi atau mana-mana pertubuhan. Lakuan kritikan umum juga dominan dalam forum Wacana Sinar Harian. Lazimnya, ia ditandai oleh perkataan, seperti kita, mereka, dan sebagainya. Berikut ialah contoh kritikan umum:

1. ...pemimpin itu tugasnya berat dan masalahnya orang salah faham tentang kepimpinan. Mereka tidak dapat membedakan di antara pemimpin dengan orang besar. (R1:A2)
2. Kita banyak baca cerita ustaz A buat apa rawatan secara batin, kalu kita semak secara apa kenapa orang boleh mendedahkan dirinya kepada bahaya penipuan begitu? (R1:A7)
3. Ini berlaku dalam sebahagian golongan ustaz yang tak boleh dah keluar daripada kepompong apa yang mereka belajar.... (R1:A107)
4. Maka saya ingat kita jangan main persepsi sangat. Kita lihat KPI dan keberhasilan perjuangan pemuda UMNO di bawah YB KJ...(R3:C84)

Ujaran dalam contoh 1 ialah ujaran kritikan umum kerana memberikan nilai negatif kepada pihak tidak dinyatakan secara khusus. Unsur yang menandakan kritikan umum ialah mereka tidak dapat membedakan. Kata ganti diri mereka sebagai rujukan umum dan tidak ditujukan secara khusus siapa mereka sebenarnya. Selain itu, negatif atau kritikannya ialah tidak dapat membedakan. Oleh itu, ujaran mereka tidak dapat membedakannya ialah lakuhan kritikan umum. Ujaran kritikan umum dalam contoh 2 pula ditandai oleh perkataan ustaz A. Penutur menggunakan nama Ustaz A bagi mengelakkan mengkritik ustaz secara khusus. Kritikan berkaitan dengan rawatan oleh ustaz boleh menyembuhkan pelbagai penyakit, tetapi sebenarnya satu penipuan. Dalam contoh 3, penutur menggunakan frasa sebahagian golongan

ustaz bagi mengelak mengkritik secara langsung golongan agamawan. Kritikan yang dimaksudkan dalam contoh 3 ialah sebahagian ustaz terperangkap dengan situasi pembelajaran mereka sahaja. Ujaran dalam contoh 4 pula berkaitan dengan kritikan tentang sikap yang terlalu bergantung pada persepsi. Namun demikian, kritikan tersebut ditujukan secara umum dengan menggunakan perkataan kita jangan. Kita ialah kata ganti diri pertama yang merujuk kepada ramai orang. Kajian ini merumuskan bahawa lakuhan kritikan umum ialah penilaian negatif terhadap pihak-pihak secara umum.

Lakuan Penafian

Noriati A Rashid (2005) memperkenalkan strategi nafi untuk melihat bagaimana tindakan yang berhemah ketika penafian sesuatu. Nur Jannah Ab Rahman dan Maslida Yusof (2017) pula menggunakan istilah lakuhan penolakan dengan maksud tuturan yang dihasilkan oleh tindak ilokusi yang tidak menerima atau mengabulkan permintaan, undangan, cadangan, perintah, larangan atau tawaran. Dalam konteks ini, lakuhan penafian adalah dominan dalam forum perbahasan sebagai satu strategi kritikan, khususnya dalam Wacana Sinar Harian. Lazimnya, lakuhan penafian ini diaplikasikan ketika membidas sesuatu hujah seseorang. Terdapat dua jenis lakuhan penafian, iaitu penafian langsung dan penafian tidak langsung. Walau bagaimanapun, kajian ini akan memberi tumpuan terhadap lakuhan penafian langsung. Terdapat penafian secara langsung dan tidak langsung. Penafian langsung dan tidak langsung tidak menentukan darjah kesantunan, sebaliknya darjah kesantunan bergantung kepada pemilihan perkataan yang baik atau buruk ketika penafian sesuatu. Berikut ialah lima contoh lakuhan penafian dalam perbahasan.

1. Ini bukan sesuatu yang baru, bukan sesuatu yang dipoliticizekan ataupun dipolitikkan untuk zaman ini (R1:A4)
2. Saya rasa bukan masalah UMNO. Sekarang UMNO sebagai pemerintah dan mana-mana parti memerintah (R1:A25)
3. Jadi, ini bukan satu perkara yang pelik, satu perkara yang begitu kronik yang kritikal. Jadi, saya melihatnya tidak. (R2:B11)

Penafian langsung dalam ujaran 1 ditandai oleh perkataan ini bukan, manakala contoh 2 ditandai oleh bukan masalah UMNO. Dalam contoh 1, lakuhan penafian adalah sebahagian daripada proses kritikan terhadap pendapat bahawa ulama dahulu tidak berani tampil untuk menegur pemimpin. Contoh 2 juga menunjukkan lakuhan penafian terhadap pendapat bahawa pemimpin kini sompong, khususnya UMNO. Namun demikian, penutur dalam contoh menafikannya, sebaliknya mengatakan bahawa mana-mana parti pemerintah adalah sompong kerana terlalu selesa dengan jawatan yang ada. Maknanya ialah sikap sompong bukan UMNO sahaja. Dalam contoh 3, penafian ditandai oleh perkataan ini bukan dan tujuan ujaran tersebut adalah untuk menafikan pandangan yang mengatakan bahawa sistem pengurusan 1MDB adalah bermasalah dan pelik. Secara umumnya, lakuhan penafian adalah sebahagian daripada proses kritikan dan sebab itu diletakkan sebagai sebahagian daripada lakuhan kritikan.

Lakuan Persoalan Retorik

Lakuan persoalan retorik merupakan satu lakuhan yang wujud dalam kategori kritikan. Persoalan retorik ini mengajak pendengar untuk berfikir. Persoalan retorik ialah ayat tanya yang tidak memerlukan jawapan daripada pendengar, sebaliknya ia berfungsi sebagai persoalan yang hanya perlu dijawab dalam hati pendengar. Dalam konteks kritikan, lakuhan persoalan retorik ini adalah untuk pendengar “meneruskan” kritikan oleh pengkritik.

Lazimnya, lakuhan persoalan kritikan lebih cenderung kepada jawapan negatif. Dalam konteks kesantunan, persoalan retorik ini berupaya menjadikan kritikan lebih halus, kemas dan berkesan.

1. ... kenapa orang boleh mendedahkan dirinya kepada bahaya penipuan begitu? Hanya kerana katanya ini ulama, keupayaannya apa? (R1:A7)
2. yang membabitkan kepentingan rakyat, bagaimana mungkin sebuah negara yang buat Parlimen, negara yang ada Persidangan Agong UMNO juga membincangkan tentang masalah negara tiba-tiba kita cakap masalah pemimpin negara kita, kesalahan kerajaan pergi bisik kat telinga Perdana Menteri. Berapa ramai boleh bisik kat telinga dia? (R1:A17)
3. kita perlu memberi keyakinan, kenapa kita nak sebut perkara-perkara yang di luar kemampuan. Kita sekarang hanya perlu... (R2:B42)

Seperti yang disebutkan sebelum ini, lakuhan persoalan retorik selalunya cenderung ke arah jawapan yang negatif. Dalam contoh 1 di atas terdapat dua persoalan retorik. Jawapan negatif yang amat relevan dalam persoalan pertama ialah tidak ada keperluan berjumpa ulama atau ustaz untuk berubat sedangkan telah banyak kes penipuan. Selain itu, jawapan persoalan dua dalam contoh juga menunjukkan jawapan negatif, iaitu ulama atau ustaz lazimnya tidak ada kepakaran dalam bidang perubatan. Oleh itu, tidak ada keperluan untuk berjumpa mereka. Contoh 2 pula menunjukkan persoalan berapa ramai orang boleh pergi berjumpa Perdana Menteri Malaysia untuk membisikkan sesuatu kesilapan, khususnya kesilapan yang berkaitan dengan kepentingan awam. Soalan tersebut bersifat kritikan kerana apa keperluan menemui dan menegur pemimpin secara peribadi sekiranya ada ruang di yang lebih sesuai dalam konteks demokrasi, seperti parlimen, persidangan agung parti politik dan sebagainya. Contoh 3 pula menunjukkan persoalan retorik yang cenderung kepada jawapan negatif, iaitu jangan mengatakan sesuatu yang di luar kemampuan. Kajian ini merumuskan bahawa lakuhan persoalan retorik diletakkan di bawah lakuhan kritikan kerana jawapan yang dijangkakan merujuk kepada jawapan-jawapan yang negatif.

Secara keseluruhannya, lakuhan bahasa kritikan terdiri daripada lima jenis lakuhan. Kelima-lima lakuhan ini wujud dalam tiga siri Forum Wacana Sinar Harian yang dianjurkan oleh Karangkraf. Bahagian berikut merupakan hasil analisis lakuhan bahasa kritikan terhadap tiga rakaman kajian.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian ini dipaparkan dalam bentuk jadual untuk melihat kekerapan sesuatu lakuhan bahasa kritikan. Pengkaji terlebih dahulu memaparkan jumlah kekerapan keseluruhan lakuhan bahasa kritikan bagi tiga rakaman yang dianalisis. Kemudian, analisis dapatan kajian akan tertumpu pada setiap rakaman. Jadual 1 berikut merupakan hasil kajian bagi tiga rakaman yang dikaji.

JADUAL 1. Kekerapan subkategori lakuhan bahasa berdasarkan tiga rakaman kajian.

Jenis Lakuhan Bahasa Kritikan	Rakaman 1	Rakaman 2	Rakaman 3	Jumlah Keseluruhan

Kritikan Langsung	17	142	64	223
Kritikan Umum	98	84	40	222
Bidasan Langsung	8	11	16	35
Penafian	12	27	11	50
Persoalan Retorik	47	49	30	126
Kekerapan	182	313	161	656

Berdasarkan jadual di atas, kajian ini mendapati jumlah keseluruhan kekerapan lakukan bahasa kritikan ialah 656 kali. Rakaman 2 memperlihatkan jumlah terbanyak, iaitu sebanyak 313 dan diikuti oleh rakaman 1, iaitu sebanyak 182. Rakaman 3 pula hanya mencatatkan jumlah kekerapan 161 kali. Jumlah yang berbeza ini disebabkan oleh isu dan sikap para ahli forum yang terlibat. Hal ini akan diperincikan di bahagian analisis mengikut rakaman. Dari segi jenis lakukan bahasa kritikan pula, lakukan kritikan mencatatkan bilangan tertinggi berbanding dengan lakukan kritikan lain. Jenis lakukan kritikan umum hanya berbeza 1 kekerapan, iaitu dengan jumlah kekerapan sebanyak 222 kali. Lakukan persoalan retorik berada di tempat ketiga, dengan jumlah kekerapan sebanyak 126 kali, kemudian diikuti lakukan penafian yang hanya mencatatkan 50 kekerapan. Lakukan bidasan langsung mencatatkan bilangan terendah, iaitu hanya 35 kekerapan. Berdasarkan dapatan ini, pengkaji merumuskan bahawa kritikan langsung dan kritikan umum amat dominan dalam lakukan kritikan. Hal juga menunjukkan bahawa forum Wacana Sinar Harian merupakan medan untuk mengkritik secara langsung dan secara umum. Namun demikian, jumlah kekerapan lakukan bidasan langsung yang amat rendah tidak menggambarkan wujudnya proses “kritik-bidas” dalam forum tersebut.

Hasil Analisis lakukan Bahasa Kritikan Rakaman 1

Rakaman 1 membahaskan persoalan peranan ulama dalam menasihati pemimpin-pemimpin negara. Ahli forum yang terlibat ialah Maszlee Malik selaku moderator, Siddiq Fadzil sebagai ahli panel 1, Mohd Asri sebagai ahli panel 2, dan Shahrin sebagai panel 3. Secara umumnya, kajian ini mendapati kelima-lima lakukan bahasa kritikan wujud dalam forum kajian, iaitu lakukan kritikan langsung, kritikan umum, bidasan langsung, lakukan penafian, dan lakukan persoalan retorik. Jadual 2 yang berikut ialah dapatan kajian bagi rakaman 1.

JADUAL 2. Strategi Kesantunan dalam Kategori Kritikan R1

Kesantunan Strategi	Moderator (Maszlee)	Siddiq Fadzil	Mohd Asri	Shahrin	Penyoal	Jumlah Strategi
Kritikan Langsung	1	1	13	2	0	17
Kritikan umum	11	36	30	13	8	98
Bidasan Langsung	1	0	1	6	0	8
Penafian	1	3	5	2	1	12
Persoalan Retorik	9	8	10	18	2	47
Kekerapan	24	48	59	41	11	182

Secara umumnya, hasil analisis menunjukkan lakukan kritikan umum mencatatkan kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 47 kali. Lakukan kritikan langsung pula hanya mencatatkan 17 kali kekerapan, iaitu jumlah yang jauh lebih rendah berbanding dengan kritikan umum.
ISSN 1675-7513

Tempat ketiga ialah lakuhan penafian dengan jumlah sebanyak 12 kali, kemudian lakuhan bidasan langsung hanya sebanyak 8 kali. Jika dilihat dari sudut kritikan langsung dan bidasan langsung, separuh daripada kritikan menerima bidasan. Secara keseluruhannya, walaupun wujud kritikan-kritikan, namun demikian forum tersebut masih terkawal dan tidak timbul pergaduhan. Hal ini menggambarkan kematangan dan kesantunan berbahasa dalam kalangan ahli forum.

Dari sudut ahli forum, Mohd Asri paling kerap mengkritik berbanding ahli lain. Jumlah kekerapan berdasarkan lima lakuhan yang diaplakisikan adalah sebanyak 59 kali. Beliau mengaplikasikan lakuhan kritikan umum sebanyak 30 kali, dan 13 kali kritikan langsung. Dalam konteks kesantunan, Mohd Asri memperlihatkan kritikan yang santun. Walaupun kritikan secara terbuka, bahasa yang digunakan bebas daripada sebarang kata-kata kesat. Dua contoh kritikan langsung yang sopan oleh Mohd Asri ialah

1. “Ini kedangkalan ulama yang dikatakan yang tidak memahami fiqh Waqie tadi, fiqh realiti (R1:A38)”.
2. saya rasa akan berterusan ulama akan fatwa, erm bagi duit dapat pahala. Dia fikir, bagi duit dapat pahala (R1:A38)

Kedu-dua ujaran di atas tidak mengandungi perkataan kesat, tetapi kritikan yang jelas dan mudah difahami. Selain itu, data kajian turut menunjukkan bahawa Mohd Asri mengaplikasikan lakuhan persoalan retorik ketika mengkritik, dengan jumlah kekerapan sebanyak 10 kali, kemudian diikuti oleh lakuhan penafian. Mohd Asri cenderung kepada kritikan atau penilaian terbuka.

Siddiq Fadzil pula mempunyai pola kritikan yang berlainan dengan Asri. Pengkaji mendapati Siddiq Fadzil menggunakan empat lakuhan, iaitu lakuhan kritikan langsung, lakuhan kritikan umum, lakuhan penafian, dan lakuhan persoalan retorik. Jumlah keseluruhan kekerapan oleh Siddiq Fadzil ialah sebanyak 48 kali. Jumlah ini meletakkan beliau di tempat kedua tertinggi, selepas Mohd Asri. Beliau agak berbeza dengan Mohd Asri, kerana Siddiq lebih cenderung menggunakan lakuhan kritikan umum. Dengan perkataan lain, beliau tidak mengkritik secara langsung kepada mana-mana individu atau institusi. Contoh lakuhan kritikan umum oleh Siddiq Fadzil ialah

1. Jadi, Hamka menyatakan yang ini bukan ulama warasa tul anbia, yang ini (ulama yang menyokong Belanda) Al-Ulama warasa tul Ulanda (R1:A15)
2. kalau dia tidak takut kepada Allah dia lebih takut kepada bosnya bagi saya itu bukan ulama. (R1:A13)

Kedua-dua ujaran di atas adalah sopan kerana menyampaikan secara umum dan tidak mengandungi kata-kata kesat. Jumlah kekerapan kritikan umum beliau adalah sebanyak 36 kali, iaitu lebih tinggi daripada Mohd Asri. Kritikan Langsung beliau hanya sekali. Selain itu, beliau banyak menggunakan lakuhan persoalan retorik, iaitu dengan kekerapan sebanyak 8 kali, dan tiga kali menggunakan lakuhan penafian. Beliau tidak mengamalkan lakuhan bidasan langsung kerana beliau tidak menerima sebarang kritikan langsung.

Shahrin pula mengaplikasikan kelima-lima lakuhan dan mencatatkan jumlah kekerapan keseluruhan adalah sebanyak 41 kali. Jumlah ini menjadikan beliau berada di tempat ketiga. Strategi yang paling kerap digunakan oleh Shahrin lakuhan persoalan retorik, iaitu sebanyak 18 kali, kemudian diikuti oleh kritikan umum, dengan jumlah sebanyak 13 kali. Sebanyak 2 kali sahaja beliau mengaplikasikan lakuhan kritikan langsung. Hal ini menunjukkan bahawa Shahrin lebih cenderung menimbulkan persoalan berbanding dengan mengkritik secara langsung atau membidas secara langsung. Selain ahli panel, moderator turut memperlihatkan penggunaan lakuhan kritikan. Moderator mencatatkan kekerapan lakuhan kritikan umum sebanyak 11 kali,

kemudian lakukan persoalan retorik sebanyak 9 kali, dan lakukan lain masing-masing sekali. Kritikan umum yang diamalkan oleh moderator adalah satu bentuk kesantunan kerana kritikan yang beliau lakukan hanya secara umum, dan ini selari dengan peranan beliau sebagai moderator atau perantara. Kritikan langsung hanya boleh dilakukan oleh ahli panel jemputan. Kritikan umum ini diikuti oleh lakukan persoalan retorik.

Secara umumnya, hasil kajian mendapati bahawa ahli forum dalam rakaman satu mengamalkan pelbagai sublakukan bahasa kritikan. Namun demikian, setiap ahli panel mempunyai kecenderungan yang berlainan antara satu sama lain. Siddiq Fadzil tiada kecenderungan melakukan kritikan langsung, sebaliknya mengkritik secara umum. Mohd Asri pula mengamalkan lakukan kritikan langsung dan tidak langsung, manakala Shahrin pula lebih cenderung menimbulkan pelbagai persoalan berbanding mengkritik secara langsung. Dari sudut kesantunan berbahasa, pengkaji menyimpulkan bahawa semua ahli panel mengkritik dengan tegas, terbuka, dan tidak ada sebarang kata-kata kesat. Oleh itu, nilai kesantunan dalam rakaman 1 sangat baik.

Analisis Kategori Kritikan Rakaman 2

Rakaman 2 bertajuk Apa di Sebalik 1MDB? dan forum ini menampilkan tiga ahli panel, iaitu ahli parlimen Pandan, Rafizi Ramli; Khairul Anwar Rahmat, Pengurus SukaGuam Malaysia; dan Azmi Hassan, Pensyarah Universiti Teknologi Malaysia. Forum ini dipengerusikan oleh Maszlee Malik. Secara umumnya, forum ini membahaskan persoalan pengurusan 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Berdasarkan analisis data, jumlah kekerapan keseluruhan ialah 313. Daripada jumlah ini, jenis lakukan yang mencatatkan jumlah kekerapan tertinggi ialah lakukan kritikan langsung, iaitu sebanyak 142 kali. Kemudian diikuti oleh lakukan berasaskan langsung dan lakukan persoalan retorik, iaitu dengan kekerapan masing-masing ialah 85 dan 49 kali. Lakukan penafian dan lakukan kritikan umum masing-masing memperoleh kekerapan 27 dan 11. Jadual berikut ialah hasil analisis lakukan kritikan bagi rakaman 2.

JADUAL 3. Hasil Analisis Lakuan Kritikan Rakaman 2

LAKUAN KESANTUNAN	Moderator (Maszlee)	Azmi	Khairul	Rafizi Ramli	Penonton/Penyodal	Kekerapan Lakuun
Kritikan Langsung	5	8	37	71	21	142
Bidasan Langsung	5	12	30	34	3	84
Kritikan Umum	1	7	0	3	0	11
Penafian	4	9	6	6	2	27
Persoalan Retorik	1	9	13	25	1	49
Kekerapan	16	45	86	139	27	313

Dari sudut ahli panel, Rafizi Ramli mencatatkan kekerapan paling tinggi, iaitu dengan jumlah kekerapan sebanyak 139 kali. Dari segi kecenderungan, data kajian menunjukkan bahawa Rafizi Ramli lebih cenderung melakukan kritikan langsung dan berasaskan langsung. Beliau mencatatkan kritikan langsung sebanyak 71 kali kekerapan manakala berasaskan langsung pula sebanyak 34 kali. Jumlah kritikan yang tinggi disebabkan oleh peranan beliau sebagai pengkritik utama 1MDB. Dengan perkataan lain, lakukan kritikan langsung paling kerap

digunakan oleh Rafizi Ramli berbanding dengan ahli panel yang lain. Selain itu, lakuhan bidasan langsung juga mencatatkan jumlah yang tinggi, iaitu 34 kali. Hal ini bermakna Rafizi Ramli bukan hanya banyak mengkritik, malah memberi bidasan terhadap kritikan ahli panel lain. Selain itu, persoalan retorik turut banyak digunakan oleh Rafizi Ramli. Persoalan retorik ini penting dalam mengkritik kerana ia dapat mengajak pendengar untuk berfikir. Data ini menunjukkan tindakan sebenar beliau untuk hadir ke forum ini.

Khairul berada kedua tertinggi selepas Rafizi Ramli, iaitu dengan jumlah kekerapan sebanyak 86 kekerapan. Beliau mengaplikasikan empat lakuhan, iaitu kritikan langsung, bidasan langsung, penafian dan persoalan retorik. Daripada empat lakuhan, kritikan langsung merupakan lakuhan yang paling kerap, iaitu sebanyak 37 kali, kemudian diikuti oleh bidasan langsung sebanyak 30 kali, persoalan retorik sebanyak 13 dan lakuhan penafian sebanyak 6 kali. Secara keseluruhannya, beliau menunjukkan kecenderungan yang sama dengan Rafizi Ramli. Namun demikian, jumlah kekerapan yang jauh berbeza, iaitu jumlah kekerapan sebanyak 53. Jumlah kekerapan kritikan langsung oleh Khairul hanya 37 berbanding Rafizi Ramli sebanyak 71 kali. Namun demikian, jumlah bidasan langsung adalah hampir sama antara kedua-dua ahli panel.

Azmi pula berada di tempat ketiga, iaitu dengan hanya mencatatkan jumlah kekerapan sebanyak 45 kali. Kecenderungan juga agak seimbang bagi kelima-lima lakuhan yang diaplisasikan. Hal ini mungkin disebabkan oleh peranan beliau sebagai ahli akademik – bebas tidak menyebelahi mana-mana pihak. Beliau hanya mengaplikasikan lakuhan kritikan langsung ini sebanyak 8 kali dan bidasan langsung sebanyak 12 kali. Kemudian diikuti oleh lakuhan persoalan retorik dan lakuhan penafian, yang masing-masing jumlah kekerapannya ialah 9 kali. Lakuhan kritikan umum hanya mencatatkan kekerapan sebanyak 7 kali. Secara umumnya, data ini menunjukkan bahawa Prof. Azmi lebih cenderung kepada memberi penjelasan berbanding dengan kritikan. Hal ini selari dengan peranan beliau sebagai ahli akademik.

Selain ahli panel, kajian juga mendapati penyoal turut melakukan kritikan sebelum mengemukakan soalan. Data menunjukkan bahawa sebanyak 27 kekerapan lakuhan kritikan. Daripada jumlah ini, data menunjukkan sebanyak 21 kali kritikan langsung dilakukan oleh penyoal, dan sebanyak 3 kali bidasan langsung. Hal ini menunjukkan bahawa para penonton turut tidak senang dengan isu dibahaskan. Selain penyoal, moderator turut mengaplikasikan lima lakuhan. Namun demikian, kekerapannya adalah rendah, iaitu hanya 16 kali. Secara umumnya, data ini juga menggambarkan bahawa penonton turut diberi peluang untuk membuat sedikit kritikan dan ulasan sebelum bertanya.

Analisis Lakuan Kritikan Rakaman 3

Rakaman 3 bertajuk Politik: Perjuangan atau populariti. Secara umumnya, rakaman 3 ini membahaskan persoalan tindak-tanduk seseorang pemimpin dalam memperjuangkan sesuatu isu. Persoalan utamanya ialah, apakah tindakan-tindakan seseorang pemimpin benar-benar untuk memperjuangkan sesuatu isu atau sekadar mencari populariti. Seramai empat ahli panel yang dijemput, iaitu (i) Jamal Md Yunos, Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, (ii) Mohd Razdzlan Jalaluddin, Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan, Malaysia, (iii) Shahril Hamdan, Exco Pemuda UMNO Malaysia, (iv) Md Shukri Shuib, Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.

Hasil analisis menunjukkan jumlah keseluruhan kekerapan lakuhan kritikan bagi rakaman 3 adalah sebanyak 161 kali. Kecenderungan juga adalah tidak seimbang bagi kelima-lima lakuhan bahasa. Lakuhan kritikan langsung mencatatkan jumlah kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 64 kali, manakala bidasan langsung mencatatkan kekerapan sebanyak 40 kali. Lakuhan ini diikuti oleh lakuhan persoalan retorik sebanyak 30 kali. Lakuhan kritikan umum dan lakuhan penafian pula masing-masing memperoleh jumlah kekerapan 16 dan 11. Data ini

menggambarkan bahawa ahli forum lebih cenderung untuk membuat kritikan langsung dan bidasan langsung. Jadual berikut menunjukkan hasil analisis lakuhan bahasa kritikan rakaman 3.

JADUAL 4. Hasil Analisis Lakuan Kritikan Rakaman 3

Lakuan Kesantunan	Moderator	Syukri	Jamal	Shahril	Radzlan	Penonton / Penyoal	Jumlah
Kritikan Langsung	13	19	17	6	9	0	64
Bidasan Langsung	3	0	14	8	14	1	40
Kritikan Umum	0	7	3	3	3	0	16
Lakuan Penafian	2	0	5	1	3	0	11
Persoalan Retorik	3	4	15	4	4	0	30
Jumlah Kekerapan	21	30	54	22	33	1	161

Dari sudut kekerapan ahli forum, jumlah kekerapan setiap ahli forum berbeza. Berdasarkan jadual 4, Jamal memperlihatkan kekerapan penggunaan lakuhan kritikan yang tinggi, iaitu dengan jumlah kekerapan sebanyak 54 kali. Beliau mengaplikasikan kelima-lima lakuhan kritikan. Data di atas menunjukkan kecenderungan Jamal terhadap penggunaan kritikan langsung dan persoalan retorik. Hal ini menggambarkan bahawa hampir setiap kritikan langsung disertai dengan persoalan retorik. Selain itu, kritikan yang dilontarkan kepada beliau turut dibidas oleh Jamal. Sebanyak 14 bidasan yang dibuat oleh beliau dan ini menunjukkan sikap beliau yang bukan sahaja hadir ke forum tersebut untuk mengkritik, sebaliknya beliau turut membidas kritikan ke atas beliau.

Radzlan berada di tempat kedua selepas Jamal. Beliau mengaplikasikan kelima-lima lakuhan yang wujud dalam lakuhan kritikan. Namun demikian, beliau memperlihatkan pola kecenderungan yang berbeza dengan Jamal. Radzlan lebih cenderung melakukan lakuhan bidasan langsung berbanding dengan lakuhan kritikan langsung. Lakuhan bidasan langsung diaplikasikan sebanyak 14 kali manakala kritikan langsung hanya 9 kali. Lakuhan kritikan umum, lakuhan penafian, dan persoalan retorik menunjukkan kekerapan antara 3-4 sahaja. Syukri pula berada di kedudukan ketiga dengan jumlah kekerapan sebanyak 30 kali. Beliau hanya mengaplikasikan tiga lakuhan, iaitu kritikan langsung, kritikan umum, dan persoalan retorik. Beliau tidak membuat bidasan langsung kerana tidak ada ahli forum yang mengkritik beliau. Shahril pula berada di kedudukan keempat dan menunjukkan jumlah kekerapan sebanyak 22 kali. Beliau mengaplikasikan kelima-lima lakuhan. Kecenderungan beliau tertumpu pada penggunaan bidasan langsung dan kritikan langsung. Bidasan langsung diaplikasikan sebanyak 8 kali, manakala lakuhan kritikan langsung hanya enam kali. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut jauh lebih rendah berbanding dengan ahli forum yang lain. Lakuhan kritikan umum pula hanya digunakan sebanyak tiga kali dan ini menunjukkan beliau tidak banyak membuat kritikan.

Moderator turut memperlihatkan kekerapan yang hampir sama dengan Shahril. Beliau mengaplikasikan empat lakuhan, iaitu kritikan langsung, bidasan langsung, lakuhan penafian dan persoalan retorik. Lakuhan kritikan langsung paling banyak diaplikasikan oleh moderator, iaitu dengan jumlah kekerapan sebanyak 13 kali. Bidasan langsung, lakuhan penafian, dan persoalan retorik masing-masing menunjukkan kekerapan antara 2-3 sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa peranan moderator bukan sahaja mengemukakan soalan, tetapi soalan-soalan itu disertai dengan kritikan langsung. Penonton yang mengemukakan soalan turut melakukan

bidasan langsung sebanyak sekali. Hal ini menunjukkan bahawa soalan boleh disertai sama ada kritikan atau bidasan.

RUMUSAN KAJIAN

Dari sudut bidang perbahasan, ketiga-tiga perbahasan berkaitan dengan hal-hal kepimpinan negara, berkenaan dengan bagaimana ulama menasihati pemimpin, manakala rakaman 2 pula perbahasan melibatkan syarikat negara, iaitu 1MDB yang dikelolakan oleh Perdana Menteri. Rakaman 3 berkenaan dengan perjuangan pemimpin. Dengan perkataan lain, perbahasan ketiga-tiga ini tertumpu isu kepentingan negara. Ahli panel yang terlibat pula ialah ahli akademik, agamawan, pertubuhan bukan kerajaan dan ahli politik. Selain itu, penglibatan masyarakat awam jika berlaku dalam forum ini, iaitu melalui sesi soal jawab diberikan oleh pengajur. Hal ini menunjukkan bahawa Forum Wacana Sinar Harian merupakan platform yang sangat baik dalam membahaskan perkara-perkara yang serius oleh pelbagai pihak. Oleh itu, perbahasan seperti ini perlu diteruskan.

Dari sudut kekerapan berdasarkan rakaman, rakaman 2 mencatatkan jumlah kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 313 kali. Jumlah ini adalah sebanyak 47.7% daripada jumlah keseluruhan tiga rakaman kajian. Hal ini menggambarkan bahawa isu 1MDB merupakan perbahasan yang sangat “kritikal” berbanding dengan isu lain. Hal ini dapat dilihat melalui lakukan kritikan langsung dan kritikan umum, yang masing-masing 142 dan 84. Perbahasan ini kritikal kerana ia menjadi perhatian dunia. Dari segi jenis lakukan kritikan, daripada lima jenis lakukan, lakukan kritikan langsung dan kritikan umum adalah sangat dominan dalam ketiga-tiga rakaman kajian, iaitu dengan jumlah masing-masing sebanyak 223 dan 222 kali. Hal ini menunjukkan bahawa perbahasan dalam ketiga-tiga rakaman didominasi oleh lakukan kritikan langsung dan kritikan umum. Keadaan ini menggambarkan bahawa ahli panel menjadikan forum ini sebagai satu platform penilaian baik dan buruk terhadap sesuatu, sama ada secara langsung atau secara umum. Walaupun forum ini didominasi oleh kritikan langsung dan kritikan umum, namun demikian kajian mendapati bahawa penggunaan bahasa masih terkawal. Dengan perkataan lain, bahasa yang digunakan masih memenuhi konsep kesantunan bahasa, iaitu tiada perkataan-perkataan yang kesat, menghina dan sebagainya.

Dari sudut ahli panel, kajian ini merumuskan bahawa setiap ahli panel mempunyai kecenderungan masing-masing. Secara umumnya, terdapat dua kecenderungan utama, iaitu:

1. Mengutamakan kritikan langsung berbanding kritikan umum.
2. Mengutamakan kritikan umum berbanding kritikan langsung.

Antara ahli panel yang mengutamakan kritikan langsung berbanding lakukan kritikan umum ialah Khairul, Rafizi Ramli, Syukri dan Jamal Md Yunos. Rafizi Ramli mencatatkan kritikan langsung paling tinggi berbanding ahli panel lain, iaitu 71. Ahli panel lain ialah Khairul (37), Syukri (19), dan Jamal Md Yunos (17). Kesimpulannya ialah Rafizi Ramli merupakan ahli panel yang paling kerap mengkritik. Bagi kecenderungan lakukan kritikan umum berbanding lakukan kritikan langsung pula Siddiq Fadzil, Mohd Asri, Shahrin, dan Azmi, Shahril dan Radzlan. Hasil analisis menunjukkan bahawa semua ahli panel dalam rakaman 1 menunjukkan kecenderungan melakukan lakukan kritikan umum berbanding lakukan kritikan langsung. Hal ini mungkin disebabkan oleh isu yang dibahaskan adalah isu umum. Dengan perkataan lain, ia melibatkan perbahasan peranan ulama secara umum, tanpa merujuk kepada satu isu khusus, seperti perbahasa 1MDB dalam rakaman 2. Begitu juga dengan rakaman 3 yang hanya memberikan tajuk umum, tanpa merujuk satu isu khusus. Oleh sebab itu, kritikan umum lebih banyak berbanding dengan kritikan langsung. Dari sudut nilai kesantunan, secara keseluruhannya, semua ahli forum membahaskan isu dengan menggunakan bahasa yang

menepati konsep kesantunan. Kajian ini tidak menemui sebarang kata-kata kesat atau menghina peribadi atau mengaibkan keperibadian seseorang. Oleh itu, semua ahli panel mengamalkan kesantunan berbahasa.

KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahasa forum Wacana Sinar Harian dipenuhi dengan lakuan bahasa kritikan langsung dan kritikan umum. Jumlah bagi kedua-dua lakuan ini hampir sama – lakuan kritikan langsung adalah sebanyak 223, manakala lakuan kritikan umum pula adalah sebanyak 222 kali. Walaupun forum ini dipenuhi dengan kritikan langsung dan umum, namun demikian ia selari dengan konsep kesantunan berbahasa. Dengan perkataan lain, ulasan dan kritikan terbuka adalah sebahagian daripada kesantunan berbahasa selagi ia dilakukan secara jujur, ikhlas, berhemah dan beradab. Forum terbuka yang dianjurkan Karangkraf merupakan platform perbincangan dan perbahasan yang baik dan perlu diteruskan.

RUJUKAN

- Abd Ganing Laengkang. 2010. Kesantunan Bahasa Dalam Ceramah Motivasi. Ijazah Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Ahmad Mahmud Musanif, 1998. Tanya-Jawab Dalam Novel ‘Salina’ Karangan A. Samad Said: Satu Kajian Berdasarkan Analisis Teori Lakuan Pertuturan. Tesis Ph.D. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2015. Penggunaan Lakuan Pertuturan Dalam Mesyuarat. *Jurnal Linguistik*, 19 (1), 48-57.
- Austin, J. L. 1962. *How To Do Things With Words*. Oxford: Clarendon Press.
- Bach, K dan Harnish, R.M. 1979. *Linguistic Communication and Speech Acts*. Cambridge & London: The MIT Press.
- Haslinda Saad dan Ahmad Mahmood Musanif. 2014. Lakuan Pernyataan dalam Wacana Wawancara. *Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu (Mahawangsa)*, 1 (1), 101-119.
- Haslinda Saad. 2012. Lakuan Pertuturan dalam Wacana Wawancara. Tesis Ph.D. Universiti Putera Malaysia: Serdang.
- Marlyna Maros. 2008. Lakuan Bahasa Kompelin: Manifestasi dan Istilah-istilahnya dalam Komuniti Bahasa. *Jurnal Melayu*, 3(1), 31-56.
- Marlyna Maros. 2011. Strategi Kesantunan Melayu Dalam Membuat Teguran. *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu*, 3, 7-20.
- Maslida Yusof & Karim Harun. 2015. Analisis Lakuan Tutur Dalam Ruangan Status Facebook. *Jurnal Komunikasi*, 31 (2), 151-168.
- Maslida Yusof, Marlyna Maros Muhammad & Fadzeli Jaafar. 2011. Ooops..Maaf: Strategi Kesopanan dan Penebus Kesalahan. *Jurnal Melayu*, 8, 27-50.
- Nur Jannah Ab Rahman & Maslida Yusof, 2017. Strategi Berkommunikasi Generasi Muda Melayu: Analisis Lakuan Bahasa Penolakan. *Jurnal Melayu Edisi Khas*. Disember, 354-375.
- Saidatul Nornis Hj Mahali. 2012. Situasi, Peristiwa dan Lakuan Bahasa dalam Kalang Sama. *Akademia*, 82 (1), 3-14.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2006. Najat: Tinjauan Awal Terhadap Lakuan Bahasa dan Sosiobudaya Bajau. *Jurnal Melayu*, 2 (1), 79-93.
- Searle, J. 1997. *Speech Act: An Essay in the Philosophy of Language*. London: Cambridge University Press.

- Wan Robiah Meor Osman. 2016. Sesi Kaunseling Dari Sudut Lakuan Bahasa. *Jurnal Bahasa*. 16 (2), 54-73.
- Wong Shin Shin. 2007. *Analisis Teks Ucapan Rmk-9: Pendekatan Pragmatik*. Disertasi. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Biodata Penulis:

Abd Gani Laengkang merupakan pensyarah di Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Bidang pengkhususan beliau ialah pragmatik, iaitu kesantunan dan lakuan bahasa. Selain itu, beliau juga mantan Ketua Jabatan Bahasa dan Kesusastraan Melayu, di kolej yang sama.

Ab Razak Ab Karim merupakan pensyarah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, dan kepakaran adalah dalam bidang analisis wacana dan manuskrip Melayu. Selain itu, beliau merupakan mantan Ketua Jabatan Bahasa Melayu di Akademi Pengajian Melayu.

Riduan Makhtar merupakan pensyarah di Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Bidang pengkhususan beliau adalah fonologi.